

31 JUL 1996

PELABUR TAIWAN AKAN TERUS MELABUR DI MALAYSIA, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Para pelabur Taiwan akan terus melabur di Malaysia tidak kira sama ada perjanjian jaminan pelaburan (IGA) telah ditandatangani di antara Malaysia dan negara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata di sini hari ini.

"Pelabur-pelabur Taiwan terus datang dengan adanya atau tidak IGA. Tidak kira sama ada IGA telah tidak ditandatangani."

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan tengah hari oleh Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan (NCCIM) untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memperingati 15 tahun beliau memegang jawatan itu, beliau berkata "negara-negara tidak perlu bimbang sekiranya mereka tidak menandatangani IGA dengan Malaysia."

"Kerajaan Malaysia sentiasa amat kukuh di dalam dasar tidak memilik negarakan," katanya, sambil menambah kata bahawa Malaysia baru-baru ini sahaja menandatangani perjanjian mengelakkan cukai berganda dengan Pusat Persahabatan Taiwan yang ditetapkan.

"Malaysia tidak boleh menandatangani perjanjian berdasarkan kerajaan dengan kerajaan kerana Taiwan bukan negara berdaulat. Ini tidak khusus bagi Malaysia."

Rafidah juga berkata hanya negara-negara yang mengiktiraf dasar "satu China" akan menandatangani perjanjian kerajaan dengan kerajaan dengan China, tetapi dalam kes Taiwan dan malahan Hong Kong, perjanjian hanya boleh ditandatangani dengan agensi bukan kerajaan.

"Pentadbiran Taiwan menyedari ini dan mereka tidak membantah," katanya, dan menambah bahawa Malaysia belum menandatangani IGA dengan Jepun tetapi bagaimanapun pelabur-pelabur Jepun adalah pelabur terbesar di Malaysia.

"Mereka tidak kisah," katanya. -- BERNAMA

DVS OS/sia